



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 19 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BEKALAN MAKANAN AIDILADHA MENCUKUPI, NASIONAL, SH -37 OURFARM SASAR 800 PENGELUAR PERTANIAN, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -31 215 ASSISTANT AGRICULTURE OFFICER VACANCIES, HOME, BORNEO POST (KK) -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	SEJUTA BENIH IKAN UNTUK TASIK KENYIR SETAHUN, NASIONAL, SH -37 A MILLION FISH SEEDS TO BE RELEASED AT KENYIR LAKE EVERY YEAR, NATION, THE STAR -11 SENARAI HITAM PEMILIK BOT 'ALI BABA', NASIONAL, SH -37 KAJI SYOR SEBAT NELAYAN WARGA ASING CEROBOH PERAIRAN NEGARA, NASIONAL BH -19 MINISTRY TO CONSIDER PROPOSAL TO IMPOSE WHIPPING ON FOREIGN POACHERS, HOME, BORNEO POST (KK) -4 BOX JELLYFISH BREEDING IN PENANG, NATION, SUNDAY STAR -3 EXPERTS DESPERATE FOR FUNDS TO TACKLE ISSUES, NATION, SUNDAY STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	JAGUH AYAM KAMPUNG ORGANIK, XPRESI, METRO AHAD -29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
12.	SOROK IKAN LAGA DI TEMPAT DUDUK PEMANDU, LOKAL, HM -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13. 14.	AGRI DEVELOPMENT PLAN TO BOOST KUNDASANG OUTPUT, NATION, DAILY EKSPRES (KK) -1 PEJUANG PERTANIAN MODEN, KAFE AHAD, METRO AHAD -14	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	37

Bekalan makanan Aidiladha mencukupi

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan bahawa bekalan makanan sempena Hari Raya Aidiladha yang disambut pada hujung bulan ini mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, setakat ini pihak kementerian tidak menerima sebarang rungutan berkaitan masalah bekalan makanan.

“Tidak berbangkit kebimbangan tidak cukup bekalan makanan pada musim perayaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia Cawangan Kelantan kali ke-29 di Pusat Transformasi Luar Bandar di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, pihak kementerian akan mengatasi masalah kekosongan jawatan penolong pegawai pertanian di seluruh Malaysia



Che Abdullah (kanan) meneliti kertas cadangan yang dikemukakan kepadanya pada mesyuarat agung yang diadakan di Kota Bharu semalam.

bagi mengoptimumkan prestasi sektor pertanian negara.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 215 kekosongan jawatan penolong pegawai pertanian di seluruh Malaysia.

“Kita akan berbincang dengan kementerian untuk mengatasi masalah kekosongan jawatan yang belum diisi,” kata beliau.

Headline	Ourfarm sasar 800 pengeluar pertanian		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	19 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	31	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 161
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 484



Ourfarm sasar 800 pengeluar pertanian

KUALA LUMPUR: Ourfarm, platform e-dagang perniagaan kepada perniagaan yang dimulakan oleh AirAsia untuk membantu menghubungkan petani secara terus kepada perniagaan, menyasar 800 pengeluar pertanian mendaftar di platform tersebut pada akhir tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Lalitha Sivanaser.

Beliau berkata, ketika kali pertama bermula, platform Ourfarm hanya mempunyai hampir 350 pengeluar pertanian yang berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), sambil menambah ketika ini ia mempunyai kira-kira 500 pengeluar swasta dan persendirian. "Pada akhir tahun, kami menyasar kira-kira 800 atau 70 peratus daripada pengeluar pertanian yang berdaftar di bawah MOA serta pengeluar persendirian menyertai platform kami," katanya dalam satu kenyataan semalam. - Bernama

Headline	215 assistant agriculture officer vacancies		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 284
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 853



215 assistant agriculture officer vacancies

KOTA BHARU: The Ministry of Agriculture and Food Industry will resolve the issue of vacancies for assistant agriculture officers nationwide to help raise the industry's performance, said Deputy Agriculture and Food Industry Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

He said there are now 215 vacancies for the post nationwide.

He said the issue was raised by the Assistant Agriculture Officers Union in Peninsular Malaysia (KPPPSM) president A Hadi Kamil Ismail, who called for fast action in an effort to increase their performance and role in the food production sector.

"We will pay attention to this matter and discuss ways to address the vacancy issue," he told reporters after officiating KPPPSM's Kelantan branch 29th biennial general meeting here yesterday.

There are 947 KPPPSM members and 83 of them are based in Kelantan.

Che Abdullah also said agriculture officers and assistant officers deserved to be considered as frontliners during the Movement Control Order period to curb the spread of Covid-19 in the country.

"They have been risking their health to ensure sufficient food supply and the ministry greatly appreciates their roles and efforts," he said. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	37

Sejuta benih ikan untuk Tasik Kenyir setahun

KUALA BERANG - Sebanyak sejuta benih ikan akan dilepaskan di Tasik Kenyir setiap tahun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, benih tersebut akan disalur oleh Jabatan Perikanan kepada pihak pengurusan Tasik Kenyir, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) secara berperingkat bagi memastikan kawasan tersebut sentiasa mempunyai stok ikan darat. "Kementerian akan terus membuat

kerjasama erat bagi memastikan Tasik Kenyir terus menjadi tarikan agro pelancongan.

"Pusat-pusat penternakan ikan di negeri ini dan negeri berdekatan akan dijadikan pusat khusus untuk pengeluaran sebanyak sejuta benih ikan setiap tahun dan usaha ini akan jadi program tahunan pihak kementerian," katanya kepada pemberita selepas program pelepasan benih ikan di sekitar Tasik Kenyir di sini semalam. - *Bernama*

A million fish seeds to be released at Kenyir Lake every year

KUALA BERANG: As many as one million fish seeds will be released at the Kenyir Lake every year, says Agriculture and Food Industry Minister Danik Seri Dr Ronald Khandee.

He said the seeds would be provided by the Fisheries Department to the management of Kenyir Lake, Central Terengganu Development Authority (Ketengah) in stages to ensure the area always has an ade-

quate stock of freshwater fish.

"The ministry will work closely to ensure Kenyir Lake continues to be an agro-tourism attraction.

"Fish hatchery centres in Terengganu and in the neighbouring states will be used as dedicated centres to produce one million fish seeds each year and this effort will be part of the ministry's annual programme," he said after releasing the seeds in

Kenyir Lake here yesterday.

Kenyir Lake, which covers an area of 209,199ha, is famous for agro-tourism and fishing but is now said to not have as many fish as before.

At the event, 25,000 fish seeds were released, comprising kelah, temoleh, sebarau and lampau, which were obtained from the Aquaculture Development Centre

Perlok in Pahang.

Khandee said Terengganu had its own strength in fisheries and agriculture due to the close cooperation of various agencies and researchers, including Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

He said UMT's role and studies would have a big impact on the survival of the country's fisheries industry.

Khandee, who was making his first working visit to Terengganu since his appointment in March, said the state could also be one of the country's main food producers if all parties cooperated.

"Terengganu is one of the important states in fisheries resources. Of course, other potential can be explored such as deep sea fishing," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	37

Senarai hitam pemilik bot 'ali baba'

KUALA TERENGGANU - Kerajaan mempertimbangkan hukuman tegas dengan menyenarai hitam rakyat tempatan yang didapati memberi atau menyewakan lesen bot mereka kepada warga asing untuk menangkap ikan di perairan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said berkata, hukuman membatalkan lesen atau permit seperti diamalkan kini tidak lagi efektif kerana pemilik masih boleh memohon lesen atau permit baharu.

"Kerajaan tidak mahu ada nelayan 'ali baba' yang bertindak menyewakan lesen

kepada bot nelayan asing dan membiarkan mereka memanipulasi industri perikanan serta penangkapan ikan di perairan negara," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu di sini semalam.

Selain itu, Dr Ismail berkata, kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan mengenakan hukuman sebat ke atas nelayan asing yang didapati melakukan pencerobohan perairan negara.

"Hukuman sebat dilihat lebih efektif kerana dapat menakutkan pesalah agar tidak mengulangi kesalahan sama," katanya.



lemall (dua daun kanan) menunjukkan hasil laut yang ditangkap oleh nelayan asing ketika melakukan tinjauan dalam operasi membanteras bot nelayan asing di APMM Terengganu semalam.



Ismail (dua dari kanan) menunjukkan rampasan hasil laut ketika tinjauan operasi membanteras bot nelayan asing di Ibu Pejabat Maritim Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

Kaji syor sebat nelayan warga asing ceroboh perairan negara

Kuala Terengganu: Kementerian Dalam Negeri akan mempertimbangkan cadangan mengenakan hukuman sebat terhadap nelayan asing yang menangkap ikan di perairan negara.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said, berkata ia bagi membendung pencerobohan nelayan asing ke negara ini yang berlarutan sejak sekian lama dan hukuman denda serta penjara sedia ada dilihat tidak mencukupi untuk memberi pengajaran sewajarnya.

"Contohnya, Akta Perikanan 1985, kesalahan menceroboh serta menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran membatkan denda tidak melebihi RM6 juta ke atas tekong atau pemilik kapal, manakala denda RM600,000 ke atas setiap kru atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

"Hukuman itu sudah berat, tetapi mereka lebih memilih untuk dipenjarakan. Cuba bayangkan mereka duduk dalam laut dipukul ombak berbulan-bulan tiba-tiba dapat mendarat dalam keadaan

kita bagi makan dan tempat tinggal percuma, sebab itu mereka memilih dipenjarakan.

"Bagaimanapun, cadangan ini (hukuman sebat) tertakluk kepada perbincangan kita pada peringkat kementerian nanti," katanya selepas melawat Ibu Pejabat Maritim Negeri di sini, semalam.

Terdahulu, Ismail melakukan tinjauan udara dengan menaiki pesawat Bombardier CI-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di sekitar perairan negara bagi melihat sendiri kaedah penundaan bot nelayan asing ke Pangkalan Maritim Kuala Terengganu.

Ismail turut mencadangkan agar tindakan menyenarai hitam turut dikenakan ke atas rakyat tempatan yang didapati menyalahgunakan lesen bot mereka dengan memberi dan menyewakannya kepada warga asing untuk menangkap ikan di perairan negara.

"Ini hanya cadangan kita, yang mengeluarkan lesen ialah Jabatan Perikanan, jadi kita cadangkan kepada Jabatan Perikanan untuk

menyenarai hitam mereka yang didapati bersalah. Kalau kita batalkan permit atau lesen bot, mereka boleh memohon semula menggunakan bot baharu," katanya.

Beliau turut menggesa pemilik atau pemegang lesen bot tempatan agar tidak menyewakannya kepada warga asing untuk menangkap ikan demi memelihara hasil pendapatan nelayan tempatan dan menjaga kedaulatan perairan negara.

Ismail juga berkata pihaknya akan mempertimbangkan pemberian dua aset kepada Maritim Malaysia, iaitu kapal misi pelbagai guna dan pesawat peninjau Maritim bagi memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan serta pertahanan di perairan negara.

Kapal misi pelbagai guna yang dilengkapi enam bot serta dron dengan teknologi pesawat udara tanpa pemandu (UAV) amat diperlukan memandangkan dua kapal besar milik Maritim Malaysia kini berusia 25 tahun dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. BERNAMA

Headline	Ministry to consider proposal to impose whipping on foreign poachers		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 340
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,020



Ministry to consider proposal to impose whipping on foreign poachers

KUALA TERENGGANU: The Home Ministry will consider a proposal to impose whipping on foreign fishermen who are found guilty for poaching in Malaysian waters.

Its Deputy Minister Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said said it was to curb poaching by foreign fishermen that had been happening for a long time and the existing fines and jail terms were seen as not sufficient as a lesson.

"The Fisheries Act 1985 provides for a fine of up to RM6 million for a skipper and up to RM600,000 or a jail term of up to two years, or both for a crew found guilty of poaching in the country's waters.

"This proposal (whipping) depends on our discussions at the ministry level later," he told reporters after visiting the Terengganu Maritime headquarters here yesterday.

Ismail also suggested that locals who were found to be abusing their boat licences by giving and renting them to foreign fishermen be blacklisted.

"This is just our proposal to the Fisheries Department, (because) they are the ones who issue the licences. If we just cancel the boat permit or licence, they can re-apply using a new boat," he said.

Meanwhile, Ismail said the ministry would also consider providing two assets to the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), namely the Multi-Purpose Mission Ship and Maritime Patrol Aircraft to further strengthen enforcement and defence activities in the country's waters.

In another development, Ismail said, 26 Vietnamese fishing boats were seized by the MMEA since Ops Kuda Laut was launched on June 24, involving seizures worth RM40 million.

He said the arrests involved 21 cases in Terengganu, Sabah (three) and Sarawak (two). - Bernama

Box jellyfish breeding in Penang

Fishermen find juveniles of dangerous species in mangroves

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

GEORGE TOWN: For the first time, the deadly Morbakka box jellyfish have been found breeding in the Balik Pulau mangrove swamps.

Fishermen netting shrimps off the mangrove swamps near Sungai Burung in Balik Pulau have started finding juvenile box jellyfish.

Recently, a young girl had to spend four nights in hospital after being stung by one.

Live samples of the potentially venomous box jellyfish have been sent to the Centre for Marine and Coastal Studies (Cemacs) in Teluk Bahang, which confirmed they were juvenile Morbakka jellyfish.

Fisherman Wan Mohizan Wan Hussein, 54, said he had seen adult box jellyfish off Sungai Burung in the past but this year, he caught juveniles in his shrimp net.

Once, he netted 18 in a day. "I picked them out of my net carefully, put them in a pail and sent them to Cemacs scientists alive," he said.

Wan Mohizan, who was *The Star's* assistant chief photographer before his early retirement, said the sting of a box jellyfish was not the

Stop the sting

Box jellyfish stings can cause cardiac and respiratory arrest aside from excruciating pain. There will be many large red welts on the body where the tentacles struck.

Here are steps a victim should take after a jellyfish attack.



1 Get out of the water immediately.




2 Don't scrape the tentacles off with hands or wet sand as this can cause the stinging cells to release more venom on the body.



3 Pour vinegar on the affected area for 30 seconds to stop the stinging cells from releasing the venom.



4 Remove the tentacles from the body using a towel or a pair of tweezers.



5 Get medical help as soon as possible.

Source: Centre for Marine and Coastal Studies

TheStar graphics

same as normal jellyfish.

"When they are caught in my net, their tentacles break off and my hand sometimes come into contact with them. They still sting even when separated from the body.

"Even stung slightly, I can feel burning pain. The venom seems to go deep into me. I would feel weak

in the bones by the end of the day. When I am stung by a normal jellyfish, I only felt terribly itchy," said Wan Mohizan.

But for a 12-year-old girl stung squarely in the arm by a box jellyfish, it was days of agonising pain.

Myra Hanisha Mazri was playing by the beach at Pantai Bersih,

Butterworth, on June 28 when her left forearm suddenly burned with a searing pain.

"I was watching her. She was just at the edge of the water and she suddenly ran towards me, gripping her left forearm.

"She said something bit her," her father Mazri Ishak, 47, said.

He looked at her forearm and saw angry red lesions. Then her face turned red too.

"She was in so much pain, I cried and panicked. I had never seen her suffer like that," said Mazri, a factory worker.

Myra Hanisha began trembling and when her father gave her some water to drink, she vomited right away.

Mazri then rushed her to Hospital Kepala Batas, which was nearer to their home as her condition worsened.

"The doctor said they had to transfer her to Hospital Seberang Jaya because she needed a heart monitor.

"I was shocked. I was so afraid she would die," said Mazri.

After four nights, the hospital allowed her to be discharged.

Mazri said her daughter was now recuperating at home.

Editor's pick



"She is still itching all over, especially the forearm where she was stung. The hospital gave us an ointment and we regularly apply it on her from head to toe," he said.

He urged the government to put jellyfish warning signs at all public beaches where people go swimming.

"I don't want anyone to go through the pain my daughter faced. The authorities need to warn beachgoers," he urged.

Experts desperate for funds to tackle issue

GEORGE TOWN: Scientists' efforts to find solutions to the growing box jellyfish problem in Penang are being hobbled by a lack of funds.

They need RM30,000 to run a two-year study and have had little luck getting it.

"We need to trace the food source of the juveniles, remove that from the system, and that will reduce the bloom of box jellyfish," said Centre for Marine and Coastal Studies (Cemacs) director Professor Datuk Dr Aileen Tan.

She said scientists were concerned because for the first time since her team started studying the box jellyfish population in Penang's waters in 2017, they found juveniles this year measuring as small as 2.5cm in diameter.

Prof Tan said between 2017 and 2019, her team studied jellyfish populations mostly along the northern coast of Penang Island.

"We collected 3,926 jellyfish, and out

of that, 33 were box jellyfish.

"Now that fishermen off Balik Pulau have been sending us baby box jellyfish, we are alarmed and need funding to find out more," she said, adding that the 2017 to 2019 study was funded by the state at a cost of RM10,000 while Universiti Sains Malaysia provided physical support such as boats and manpower through Cemacs.

She said the research proposal for the RM30,000 study was sent earlier to the state government but her team of scientists were still waiting.

"We haven't stopped our work because we don't want information gaps. We are using Cemacs operational funds and relying on fishermen to help us find box jellyfish samples.

"But this can't go on. We need the state government to be more proactive," said Prof Tan.

She said another crucial part of the study was to determine the specific spe-

cies of the box jellyfish found in Penang.

"We need funds to run nematocyst and molecular identification. We know the 'box jellies' are of the genus Morbakka, but we aren't certain of which species. There may even be more than one species," she said.

Some Morbakka box jellyfish, such as Morbakka fenerri, have venom that can kill humans by causing heart failure.

One of the most venomous species in the world is the Irukandji box jellyfish, which is only the size of a thumb, and causes severe bleeding in the brain of humans.

Box jellyfish are a non-native species and scientists have long suspected they were brought here in the ballast water of cruise and cargo ships.

State environment committee chairman Phee Boon Poh said he would raise the scientists' funding request at the state exco meeting.



Gelatinous terror: An adult Morbakka box jellyfish caught in Wan Mohizan's shrimp net off the coast of Balik Pulau. — WAN MOHIZAN WAN HUSSEIN/The Star

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2020	METRO AHAD	XPRESI	29

FOTO: NIK ABDULLAH NIK OMAR

AGRO

Oleh **Muhammad Razis Ismail**
razis@hmetro.com.my

Seawal jam 6 pagi, dia sudah ke reban ayam miliknya berhampiran kediaman di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.

Pada usia 26 tahun, Mohamad Firdaus Hashim tidak kekok membersihkan najis di reban yang menempatkan 2,400 ayam. Bukan itu saja, dia juga perlu pastikan ternakannya sentiasa sihat dan makanan mencukupi.

Perkara sama dilakukan tiga kali sehari untuk memastikan ayam yang dipelihara secara komersial sentiasa dalam keadaan baik.

Rutin harian itu perlu dilakukan Firdaus sejak tahun lalu.

Bagaimanapun, dia tidak pernah merungut dengan pekerjaan yang dianggap kurang popular bagi segelintir orang kerana minat mendalam terhadap bidang penternakan.

Kini, selepas setahun, dia sudah mampu tersenyum dengan usahanya apabila menjadi antara penternak muda ayam kampung organik paling berjaya dan disegani di negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

Katanya, selepas menamatkan persekolahan, dia melakukan pelbagai pekerjaan termasuk menjadi jurujual dan penghantar surat di Kuala Lumpur untuk menyara hidup.

Namun, dek minat mendalam terhadap bidang ternakan, dia membuat keputusan menjadikannya kerjaya sepenuhnya secara

JAGUH AYAM KAMPUNG ORGANIK

Selepas setahun, Firdaus jadi antara penternak muda ayam kampung organik paling berjaya di Kelantan



“Ayam ini juga tidak disuntik untuk mempercepatkan tumbesarnya, malah ia juga tidak mudah terkena jangkitan penyakit”

FIRDAUS

ANAK ayam ditempatkan di reban bersejukan.



HASHIM (kiri) memberi galakan dan tunjuk ajar kepada Firdaus untuk melaksakan bidang penternakan.

komersial.

“Saya banyak belajar daripada ayah, Hashim Sulalman, 56, yang turut mengusahakan ternakan sama sejak lapan tahun lalu untuk menyara keluarga.

“Alhamdulillah, kini saya sudah mampu mengendalikan sendiri ternakan dengan bantuan ayah dan adik,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurutnya, sebelum mula terbabit dengan bidang ternakan dia menyertai kursus penternakan ayam di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kawasan Tumpat.

“Selama seminggu di sana, saya diajar selok-belok mengenai penternakan ayam. Saya juga menerima geran berjumlah RM20,000 menerusi Program Agropreneur Muda yang digunakan untuk membina reban,” katanya.

Jelasnya, sehingga kini ayam kampung organik mendapat permintaan sangat tinggi sehingga tidak dapat menampung bekalan sedia ada di Kelantan.

“Kini saya memiliki dua reban untuk memastikan bekalan ayam tidak putus. Untuk reban pertama saya tempatkan ayam berusia 14 hari manakala satu lagi reban saya letakkan baka ayam berusia tiga hingga empat hari.

“Pada masa hadapan sekiranya dapat bantuan daripada pihak berkaitan, saya ingin membina reban tambahan untuk menambah jumlah

ternakan yang sedia ada,” katanya.

Ditanya mengenai kelebihan ayam organik, anak sulung daripada enam beradik ini berkata, haiwan itu hanya mengambil masa 40 hari untuk matang sebelum boleh dijual kepada pembekal.

“Selain itu, ayam ini juga tidak disuntik untuk mempercepatkan tumbesarnya, malah ia juga tidak mudah terkena jangkitan penyakit sekali gus dapat mengurangkan risiko kerugian,” katanya.

Katanya, setiap hari dia perlu memastikan ternakan sentiasa sihat untuk mengelak jangkitan terhadap ayam lain.

“Blasanya saya akan periksa reban tiga kali sehari dan ayam mengalami gejala simptom akan terus diasingkan,” katanya.

Beliau berkata, golongan muda kini perlu mengubah minda dengan menjadikan pertanian atau penternakan sebagai kerjaya pilihan kerana ia menawarkan pendapatan lumayan.

“Dalam keadaan mencabar ini, kita tidak boleh terlalu memilih kerja malah perlu berani mengambil risiko keluar daripada zon selesa dengan meneroka bidang lain.

“Sebagai contoh, dalam bidang penternakan dan pertanian kini mendapat permintaan yang tinggi dalam menyumbang kepada industri makanan negara sekali gus dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import,” katanya.



REBAN perlu sentiasa bersih untuk elak jangkitan penyakit.



BAKA anak ayam yang berusia tiga hingga empat hari diambil daripada pembekal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2020	HARIAN METRO	LOKAL	4



IKAN laga yang cuba diseludup dari Thailand.

Sorok ikan laga di tempat duduk pemandu

Bukit Kayu Hitam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) gagal menyeludup 108 ikan laga dari Thailand melalui Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (ICQS) di sini, kelmarin.

Ikan laga jenis Betta itu dirampas selepas pemeriksaan ke atas sebuah lori kargo yang ditahan anggota Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) di pintu sempadan.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, hasil pemeriksaan anggota Aksem menemui ikan laga yang disorok di tempat duduk pemandu.

Berikutan itu, katanya, kes diserahkan kepada Maqis untuk siasatan lanjut.

“Semua ikan laga itu di-

rampas dengan nilai dianggarkan RM2,160. Bagaimanapun, tiada tangkapan dilakukan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Lily Rosalind berkata, perbuatan mengimport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian tanah atau mikro organisma tanpa permit import sah adalah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta sama.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Headline	Agri development plan to boost Kundasang output		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	19 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	Clarence Dol	AdValue	RM 2,263
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,789



Shafie and Junz giving thumbs up to vegetables planted at the TKPM Mesilou.

Agri development plan to boost Kundasang output

Clarence Dol

RANAU: The State Government is committed to strengthening the agricultural sector in Sabah - especially in Kundasang which accounts for 52 per cent of Sabah's production - and will prepare an agricultural development plan.

"This is another effort by the Government to introduce modern technology in the production of quality and safe food without using large areas of land," said Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal when opening the Mesilou Iaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Saturday.

TKPM is a pilot project for the planting and production of food using the fertigation method inside a rain protected structure.

"The availability of better facilities and infrastructure will enable the use and practice of modern technology in the production of highland food crops more efficiently while increasing high quality agricultural products," said Shafie.

At the same time, he emphasised the processing of related food products in order to ensure the survival of the industry of different types of crops.

Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Wong Hong Jun @ Junz said TKPM Mesilou had been operational since 2019 by implementing crop production using modern techniques proven to have a beneficial effect on vegetables and fruits.

"The Food Production Programme using this fertigation method has been implemented through two TKPMs, namely TKPM Mesilou and TKPM IATC Putatan. Through this method of fertigation, fertilisation and irrigation are done simultaneously.

"Fertigation system is also an alternative planting method to prevent soil borne diseases such as Pythium, Fusarium, Rhizoctonia and bacterial withering diseases that are mostly carried by the soil," he said.

Junz said Ranau District accounted for 52 per cent of 22,971 tonnes of veg-

etable production in Sabah.

"Agriculture Blueprint 2021-2030 or Agriculture Blueprint 2021-2030 develops the sector in a planned manner for the next 10 years.

This includes leading the unexplored agricultural potential and implementing various agricultural, fisheries and livestock development programmes towards further enhancing commercial and high value-added agricultural products in Sabah.

"In 2019, RM25 million was approved under the Special Allocation of the Minister of Finance to directly benefit farmers, fishermen and ranchers," he said.

During the ceremony, Shafie also presented symbolically special assistance under the State Government-funded Crop Commodity Development Program to help farmers affected by the Covid-19 pandemic.

Organic fertiliser assistance of 374.52 tonnes to 276 highland vegetable farmers in Kundasang was received by the representative of the farmers, Yap Fook Loi.

He also presented Special Assistance to Padi Bukit farmers which had been allocated RM5 million in the form of agricultural inputs and farm equipment to assist in the cultivation of hill paddy in Sabah.

This was received by the representative of the growers, Asidin Jelok.

Several other means of agricultural assistance was presented to the farmers' representatives in the event.

At the same time, Shafie also approved an application to upgrade agricultural roads leading to the TKPM Kundasang area and to overcome the problem of electricity supply in the area.

Also present were Sabah Rural Development Minister Datuk Ewon Benedict, Pagaritan Assemblyman Datuk Abidin Madingkiti, Sabah State Agriculture Director Mubidin Hj Ismail, wife of Sabah Chief Minister Datuk Seri Panglima Datuk Hajah Shuryani binti Datuk Haji Shuib and others.

Biar pun lahir daripada keluarga DiRaja Perlis, itu tidak menjadi halangan kepada beliau berbakti kepada bidang pertanian yang menjadi minatnya sejak kecil.

Dengan berlatar belakangkan pendidikan dalam bidang matematik, perjuangan untuk memodenkan pertanian khususnya di negeri Indera Kayangan dan tanah air begitu menebal sehingga menyebabkan DATUK SRI SYED RAZLAN JAMALULLAIL bertukar bidang dan mengabdikan diri dalam bidang pertanian yang begitu dekat dengan dirinya.

Mengakui mempunyai fokus dan hasrat untuk memperkasakan keselamatan makanan di negara ini, anakanda kelapan Almarhum Tuan Syed Putra Jamalullail ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail itu berkongsi pengalaman serta fokusnya bersama wartawan YUSMIZAL DOLAH ALING untuk Kafe Ahad minggu ini.

Boleh Datuk Seri kongsi sedikit pengalaman bagaimana suasana ketika kecil dan ketika mula menceburkan diri dalam bidang pertanian?

Minat saya di dalam pertanian daripada kecil. Keluarga DiRaja Perlis ini berbeza sikit, kami lebih kepada rapat dengan rakyat ketika saya umur masih kecil. Masa muda, masuk dalam kampung naik greek (basikal) masuk bendang, kalau jatuh masuk dalam sawah, saya pergi ke rumah terdekat, mandi dengan kawan-kawan di telaga, kemudian balik. Itu cara saya daripada dulu.

Saya belajar sehingga darjah enam di Kuala Lumpur. Ketika itu almarhum ayahanda jadi Yang di-Pertuan Agong, dia ada melawat India dan Pakistan dan tertarik dengan sebuah kolej di Lahore, Pakistan. Itu mirip tentera seperti Maktab Tentera DiRaja kalau kita di sini untuk budak-budak. Saya dihantar ke situ dan dibentuk acuan saya dengan disiplin selama dua tahun setengah sehingga peperangan Pakistan dan India pada 1965. Selepas daripada itu, saya ke England selama dua tahun dan mula rasa di sana tidak kena dengan jiwa saya. Sehingga lah Setiausaha Sulit Tuan ku mengesyorkan supaya saya ke Kolej Pertanian di Serdang kerana dia nampak minat saya lebih cenderung ke situ. Tapi saya diberikan amaran bahawa saya perlu bersedia dengan latihan di situ, perlu berkubang dan sebagainya, tapi saya kata tak ada, saya akan lakukannya.

Bila maklumkan kepada bonda, dia minta saya belajar bidang pertanian di England, saya beri alasan mahu buat pertanian tropika. Kemudian Tuan ku kata bagi saya balik. Sementara tunggu masuk ke kolej, saya dihantar



SYED Razlan melihat pokok mempelam harum manis di ladang di Kampung Pokok Jawi Abi, Kangar.

masuk ke Penang Free School dan temu duga untuk belajar di Kolej Pertanian selepas itu.

Bagaimana Datuk Seri melihat pertanian sekarang ini?

Pertanian sekarang ini saya nampak kita akan menghadapi masalah yang banyak dan berbeza. Ia berbeza kerana Covid-19, justeru, kita susah dapat pekerja untuk kerja ladang untuk kerja buruh. Jadi kita kena cari apa yang orang putih kata *post Covid-19 norm*. Kita bercakap mengenai normal baharu, pertanian pun ada normal baharu. Kalau tidak kita takkan berjaya. Kalau kita tengok secara kasar ialah kelapa sawit, memang disasarkan oleh negara barat sebab dia nak jaga minyak sayuran dia. Saya beritahu jangan kita macam dulu bila tak bagus, kita tebang, sebab kita buat kajian dah banyak dah. Rupanya kelapa sawit ni memang tak ada orang boleh lawan kita. Kalau dari segi saiz, memang Indonesia lagi luas, tapi kepakaran kita di dalam penyediaan kelapa sawit tiada yang boleh banding. Kita sangat kuat dari segi itu.

Penyelidikan kita masih boleh diguna pakai dan maju sehingga orang minta bagaimana nak dapatkan benih yang tulen, mereka minta daripada kita. Kalau kita cakap pasal normal baharu, kita kena buat satu keputusan apa kita nak buat. Kalau kita harapkan cuaca untuk hujan, kita tak tentu bila nak hujan. Jadi kita kena labur dan belanja dari segi pengairan semula dan kita salirkan air itu pada masa tertentu. Kita boleh letak meter di dalam tanah dan kita boleh tahu banyak mana kelembapan dia di dalam tanah, jadi kita tak rugi, kalau hujan jadi pun, tak mengganggu. Kalau kita buat dengan cara ini, kita tak perlu ramai orang untuk membaja dan lain-lain.

Maksud Datuk Seri, kita kurangkan tenaga kerja, tetapi hasil maksimum?

Kita boleh membaja secara sistematik, organik semua. Jadi kita tak rugi. Tiap-tiap pokok akan dapat habuan dia. Berbanding kalau guna cara dulu, pokok di tengah-tengah ladang itu takkan dapat sebab dia tak mahu bawa baja, berat sangat.

Kalau dari segi kumbang, kita boleh guna dron dan *artificial intelligence* untuk bezakan kesihatan pokok. Bila kita tahu warna lain, kita tumpu ke itu saja tak payah kita sembur semua, itu yang kita kata *precision agriculture*. Jadi kita jangan rugi, membazir nak letak untuk semua. Bukan semua teruk, ada yang tidak. Itu dari segi kelapa sawit.

Bagaimana pula dengan padi, kaedah sama boleh digunakan?

Kita banyak bergantung kepada sistem kita iaitu padi basah. Boleh ke tak kita tukar kepada padi yang kering. Kenapa tak boleh? Jangan kita pegang sangat padi yang menggunakan air berlebihan. Air yang lebih ini kita boleh guna untuk kitar semula untuk minuman, membasuh. Yang ini kita perlu proses semula nak jadi sesuai untuk manusia pula. Jangan kata semuanya nak ke laut, tak ada. Yang pergi ke laut mengandung racun juga, tapi sistem pengairan ini juga berbeza jenis tanaman berbeza sistem dia. Ini ada juga yang sesuai dan berjaya. Mereka dah buat di negara lain untuk padi. Jadi tak payahlah kita tunggu orang, pasal kadang-kadang kita tunggu.

MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) ini nak buka air sekali bagi semua orang dapat. Bila kita buat begitu, tanah ini kena sama rata supaya semua dapat. Kalau kawan kita tu tinggi, dia susah dapat ataupun lambat sebab tanah dia tinggi. Dengan pengairan semula ini, semua akan dapat dengan jumlah yang berpadanan.

Kadang-kadang kita pula ada hal, nak pergi makan kenduri, jadi

air tak boleh buka dan orang lain pula kena tunggu. Jadi kita kena ubah semua ini. Elok kita guna waktu Covid-19 ini untuk kita cantumkan semua bendang ini jadi satu kawasan pertanian. Idea saya ini timbul sebelum ini lagi. Kita tak rugi kerana bila kita cantumkan, kita tak hilang hak milik. Tapi kita untung dari segi kerana batas kita sudah buang. Batas saja sudah berapa kaki persegi. Kalau kawasan sawah yang luas boleh jadi berapa ribu ekar. Saya tengok dari segi orang kita ini, yang dia penting anak cucu dia pergi universiti, dia sendiri nak buat umrah, buat haji.

Dia jual kepada orang Melayu. Soalnya bertukar kepada orang Melayu atau orang Melayu hanya di depan saja. Bila dia balik, dia sudah dapat ganjaran ibadatnya, tetapi tanah sudah tidak ada. Jadi dia hanya dapat puas hati saja, tetapi tak dapat jaga anak cucu dia.

Cadangan saya, kita cantumkan dan bagi pada satu syarikat yang mampu dan boleh bekerja sebagai pekerja syarikat dan hasil ini ikut keluasan dia. Katakan saya ada lima ekar. Lima ekar ini bila dinilai katakan boleh dapat 70 peratus saja pinjaman. Katakan boleh dapat Bank Pertanian, letak supaya dia boleh pergi haji. Bila dia balik hak milik masih dia punya, projek pun jalan dan hasil ini bayar balik kepada bank, tanah tak hilang. Dia dah jadi hak milik keluarga.

Apakah ada syarat lain kepada mekanisme ini, pandangan Datuk Seri?

Saya rasa mesti ada satu mekanisme di mana kita galakkan mereka tanam padi. Oleh kerana kita yang galakkan dia, jangan ubah syarat jadi pembangunan. Kita kena bagi dia satu insentif kerana dia sanggup nak teruskan. Kalau tak bagi saya rasa tak adil kerana orang sebelah dah dapat keuntungan. Tapi dapat cepat, habis cepat. Makanan utama kita adalah beras. Thailand pun dah tak bekalkan kepada kita kerana

DATUK SRI SYED RAZLAN JAMALULLAIL

Tarikh lahir

26 Januari 1951

Pendidikan

- Diploma Pertanian, Kolej Pertanian Malaysia (1972).
- Louisiana State University (LSU), Baton Rouge, Amerika Syarikat (1974).
- North Carolina State University (NCSU), Raleigh, Amerika Syarikat (1976).

Pengalaman kerja

1976

- Pesyarah di Fakulti Veterinar dan Sains Haiwan Universiti Pertanian Malaysia.

2004 - 2008

- Ahli Parlimen Arau, Perlis.

2008 - 2013

- Ahli Majlis Mesyuarat Kanan Kerajaan Negeri Perlis.

2018 - 2019

- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia.

2020 - kini

- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia.
- Ahli Jawatankuasa Pengelola MARDI.
- Ahli Majlis Penasihat Pertanian dan Makanan Negara.

dia pun perlu. Saya tahu China. Bila Covid-19 datang mereka beli 700 juta tan serta-merta dari seluruh dunia. Dia tahu ada berjuta-juta yang perlu diberi makan. Kita bagaimana, kita tak boleh buat semua untuk selesai masalah. Saya pernah tengok di China dulu, mereka boleh ambil beras, letak mineral, vitamin kerana dia ada jutaan penduduk. Maksud saya dia boleh bagi satu makanan yang nutrisinya tinggi.

Apakah harapan Datuk Seri dalam sektor ini?

Kita boleh pergi jauh dan kita memang pakar dalam bidang pertanian ini. Cuma sejauh mana kita mahu berubah, mahu dengar idea dan pandangan orang. Inilah masanya, kita perlu gunakan waktu pandemik ini untuk kita merubah semula pertanian kita sampai ke tahap paling gemilang bukan untuk menunjuk kepada sesiapa, tetapi untuk memberikan bekalan kepada lebih 30 juta penduduk Malaysia. Keselamatan makanan satu aspek yang penting. Kita ada segala-galanya di bumi Malaysia, kita perlu ubah pendekatan kita yang sudah sebatih bersama kehidupan kita sejak puluhan tahun lalu.